

Dr. M pertahan beri kayu kepada Zimbabwe

11 JUN 2004

KLJALA LUMPUR 10 Jun — Tun Dr. Mahathir Mohamad mempertahankan tindakan Malaysia di bawah pentadbirannya memberi kayu kepada Zimbabwe bagi pembinaan sebuah bangunan di negara tersebut.

Bekas Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak sepatutnya dipertikaikan kerana Malaysia pernah memberi kayu kepada negara-negara lain.

“Lagipun memberi kayu kepada negara tersebut bukan satu kesalahan. Negara China pun turut menyumbangkan jubin kepada Zimbabwe.

“Ia pemberian yang bertujuan mempromosikan hasil kayu-kayan negara kepada negara luar,” katanya ketika ditemui selepas melancarkan autobiografi bekas Presiden Institut Penyelidikan Sosiologi Malaysia, Allahyarham Datuk Dr. Alijah Gardon.

Autobiografi itu berjudul *‘On Becoming Alijah’*.

Allahyarham juga adalah pemegang amanah Program Penajaan Kanak-Kanak Palestin yang berpangkalan di Lebanon.

Majlis itu turut dihadiri

oleh Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Mahathir dikaitkan dengan isu tersebut selepas Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe da-

lam satu temu ramah oleh stesen televisyen British Broadcasting Corporation (BBC) bulan lalu memberitahu, menerima kayu Malaysia dari Dr. Mahathir.

Tindakan Dr. Mahathir itu pula dipersoalkan oleh parti pembangkang baru-baru ini kerana ia diberikan secara percuma.